

24 DEC 2002

MALAYSIA-R&D/I

SYARIKAT M'SIA TIDAK BERI KEUTAMAAN KEPADA R&D DAN PEMILIKAN TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Keadaan ekonomi global yang tidak menentu hari ini telah memaksa syarikat-syarikat Malaysia menjadi lebih konservatif dan mengambil pendekatan jangka pendek dalam tinjauan yang menyebabkan mereka kurang memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pemilikan teknologi.

"Kepada ramai eksekutif syarikat dan ramai lagi lembaga pengarah mengekalkan prestasi syarikat menjadi tugas utama nombor satu mereka," kata pengerusi bersama (Industri) Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Malahan bagi syarikat yang mempamerkan prestasi yang baik, pelaburan yang selamat, projek yang mendapat pulangan yang cepat lebih menjadi pilihan berbanding yang lebih berisiko dan pemilikan teknologi tinggi, katanya.

Beliau berkata demikian dalam laporan dan pemerhatian daripada perspektif industri bagi "Industri Teknologi Tinggi di Malaysia - Maju Ke hadapan" ketika taklimat khas kepada penaung MIGHT, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malahan di waktu-waktu ekonomi yang baik, perbelanjaan kasar bagi R&D di Malaysia adalah jauh lebih rendah daripada yang sepatutnya bagi sebuah negara yang sedang pesat membangun, katanya.

Beliau berkata keupayaan teknologi asal negara adalah lemah dan institut penyelidikan dan universiti negara tidak berupaya bertindak balas kepada keperluan industri untuk berkongsi dalam mengeksloitasi penemuan penyelidikan dan teknologi baru bagi meraih kekayaan.

Justeru, syarikat-syarikat tempatan dan negara kekal sebagai pengimport bersih teknologi dan membayar harga yang mahal bagi hak untuk menggunakan teknologi yang dimajukan oleh orang lain untuk proses pengeluaran bagi keperluan semua sektor ekonomi dan malahan bagi pertahanan dan sekuriti.

Beliau berkata perlu adanya usaha yang berterusan dan bersistematik bagi mencari peluang untuk teknologi strategik dalam bidang tradisional dan apatah lagi dalam bahagian-bahagian di masa depan yang berpotensi seperti bioteknologi, fotonik, nanoteknologi dan bahan material canggih.

"Kita perlu terus membimbing pertumbuhan syarikat berasaskan teknologi menyediakan satu persekitaran yang kondusif bagi usahawan dan syarikat untuk meneroka dan melabur dalam perusahaan berteknologi tinggi, membina keupayaan bagi memenuhi keperluan tempatan dan mewujudkan peluang bagi eksport produk dan perkhidmatan," katanya.

Industri mengharapkan Kerajaan menyediakan pelbagai dana dan mesin untuk meringankan risiko yang biasanya berkaitan dengan pelaburan dalam sektor teknologi tinggi.

Beliau merasakan syarikat-syarikat milik kerajaan perlu ditugaskan melabur dalam sektor-sektor "berisiko tetapi membawa pulangan tinggi" ini.

Pemerolehan kerajaan bagi produk dan perkhidmatan perlu terus "berhasil" bagi merangsangkan pembangunan keupayaan tempatan dalam teknologi baru.

Beliau berkata kerajaan dan syarikat-syarikat besar yang terlibat dalam bahagian-bahagian seperti telekomunikasi, kuasa, minyak dan gas, automotif dan pengangkutan perlu terus membimbing pertumbuhan syarikat usahawan kecil menerusi skim pembangunan vendor dan juga membentuk asas kekukuhan perindustrian Malaysia.

Sementara itu, pengerusi bersama MIGHT (Kerajaan), Tan Sri Dr Ahmad

Zaharudin Idrus berkata Malaysia boleh menjadi lebih berjaya sekiranya ia mengguna pakai strategi perniagaan dan teknologi tertentu yang boleh menggunakan Sains dan Teknologi dengan lebih meluas dan intensiti lebih tinggi dalam sektor perindustrian.

Peluang-peluang baru muncul dalam bahagian-bahagian fotonik, nanoteknologi dan bio-teknologi.

"Dalam mengeksplorasikan bahagian-bahagian baru ini, kita perlu berani mengambil risiko dan menjadi inovatif dalam memperdagangkan teknologi seumpama itu," katanya yang berpendapat institusi baru perlu menerajui eksploitasi komersil. -- BERNAMA

MSL KTC ZK